


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 25 RABU 29 SEPTEMBER, 1965. 1385 رابو 4 جمادالآخر PERCHUMA

Allah Lanjutkan Usia Duli Yang Maha Mulia



Satu pemandangan di-Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-Padang Besar Kuala Belait Recreation Club pada pagi hari Juma'at 24 September, 1965. Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini menerima Tabek Kehormatan Diraja dari Pasokan Pulis Diraja Brunei di-istiadat perbarisan tersebut.

D. Y. M. M. MEMEREKSA PERBARISAN DI-KUALA BELAIT

KUALA BELAIT — Penduduk2 di-Daerah Belait telah menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dengan mengadakan berbagai2 acara yang meriah, sa-bagaimana yang telah di-ran-changkan.

Kemunchak dari perayaan2 tersebut ia-lah Istiadat Perbarisan Hari Jadi Baginda di-Padang Besar Kuala Belait Recreation Club pada pagi hari Juma'at 24 September.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berchemar Duli ka Kuala Belait pada pagi hari tersebut dan memereksa Barisan Kehormatan itu yang terdiri dari Pasokan Pulis Diraja Brunei dan Pasokan Pancharam Pulis Diraja Brunei.

Turut mengambil bahagian dalam Istiadat Perbarisan itu ia-lah Pasokan Kastam Diraja Negeri Brunei, Pasokan2 Pengakap, Pandu Puteri, Palang Merah

(Lihat Muka 8)

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah berangkat dengan kapal terbang dari Brunei ka-United Kingdom pada petang hari Isnin 27 September, 1965 untuk melanjutkan pelajaran masing2 di-sana. Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang



Brunei sa-jurus sa-belum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota menaiki kapal terbang. Dalam gambar ini kelihatan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar menziarahi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

SAMBUTAN HARI PUJA USIA D. Y. M. M.

Pembinaan Pusat Kebudayaan

BANDAR BRUNEI — Kerajaan Brunei berchadang hendak membina sa-buah Pusat Kebudayaan sa-bagai tanda kenangan kepada Penganjor British yang terkemuka pada masa Peperangan Dunia Kedua — mendiang Sir Winston Churchill.

Pusat Kebudayaan itu akan dibina tidak jauh dari bangunan Pejabat2 Besar Kerajaan di-ibu kota negeri ini.

Bangunan peringatan tersebut akan mengandungi sa-buah museum peperangan, sa-buah khutub khanah untuk orang ramai, sa-buah patong Sir Winston Churchill dan lain2 chenderamata yang bersangkut paut dengan beliau itu.

Selain daripada menjadikan satu tanda kenangan kepada penganjor peperangan dunia tersebut, pusat kebudayaan itu akan di-jadikan sa-bagai sa-buah pusat kebudayaan untuk perkembangan kebudayaan di-Negeri Brunei.

Sementara itu, Kerajaan Brunei telah pun memberi tugas kepada sa-orang akitik British, Awang Alistair MacDonald untuk melukis bangunan peringatan itu.

Selain dari itu, Awang MacDonald juga telah di-tugaskan untuk melukis bangunan Pusat Perubatan yang akan mengandungi sa-buah rumah sakit dan tempat2 tinggal untuk Pegawai2 dan pekerja2 Rumah Sakit itu.

PUSAT PERUBATAN

Pusat Perubatan yang di-chadangkan itu akan di-bina di-sabwah kawasan luas-nya 100 ekar dan letaknya kira2 3 batu dari Bandar Brunei.

Apabila siap nanti, Rumah Sakit itu akan mempunyai perkakas dan barang2 yang terbaharu dan akan melaksanakan berbagai2 perkhidmatan perubatan serta penyelidikan.

Kawasan-nya itu ada-lah lebeh luas lagi daripada kawasan2 lain2 projek perkembangan negara yang di-ranchangkan pada masa ini.

TENIS:

Pengiran Hidup Dan Barnabas Chia Menang Lagi

SERIA. — Pengiran Hidup dan Barnabas Chia telah berhasil memenangi lagi gelaran Kejohanan Bergu dalam Perlawanan Tennis untuk merebutkan Piala Perak Tiger di-Gelanggang Tennis, Shell Recreation Club baru2 ini.

Dalam Perlawanan akhir itu, Pengiran Hidup dan pasangannya Barnabas Chia telah mengalahkan Joseph Ngui dan V. S. Pillai dengan 6 — 2 dan 6 - 2.

Perlawanan Tennis itu telah di-mulai pada awal bulan Ogos dan di-tamatkan sa-belum Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

RAMAI PENDUDOK2 TEMPATAN MENDAPAT KURNIAAN BINTANG2 KEBESARAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah memperkenankan kurniaan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 kepada nama2 yang di-bawah ini sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda kali yang ke-49.

DARJAH KERABAT BRUNEI YANG AMAT DI-HORMATI — Di-naikkan dari Darjah Yang Kedua ka-Darjah yang pertama kepada Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA DARJAH YANG PERTAMA — P.S.N.B. kepada Major General George Harrison Lea.

DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA — Di-naikkan dari Darjah yang kedua ka-Darjah yang pertama kepada:

1. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman.

2. Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed bin Pengiran Piut.

DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA — Darjah II (D.S.N.B.).

1. Di-naikkan dari Darjah III kepada Darjah II (D.S.N.B.) kepada Awang Isa bin Dato Haji Ibrahim.

2. Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar.

3. Yang Berhormat Awang John Lee.

4. Yang Mulia Awang A. J. W. Slater.

5. Yang Mulia Awang Idris Talog Davies.

6. Lieutenant-Colonel D. M. Fletcher.

7. Brigadier H. Tuzo.

DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA — Darjah yang kedua (D.P.M.B.) kepada:

1. Yang Berhormat Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

2. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohamed Taha.

3. Yang Mulia Doktor P. I. Franks.

4. Yang Mulia Awang G. E. Coster.

5. Yang Mulia Awang P. A. Coates.

6. Yang Mulia Awang W. I. Glass.

7. Yang Mulia Awang P. E. Thompson.

8. Yang Mulia Awang G. Williams.

9. Yang Mulia Doktor J. S. Gould.

10. Lieutenant-Colonel A. S. Harvey.

11. Lieutenant-Colonel B. F. Rooney.

DARJAH SETIA NEGARA YANG AMAT BAHAGIA — Darjah ketiga (S.N.B.) kepada:

1. Major R. D. P. Brown.

2. Major J. S. Keen.

3. Awang N. C. Peat.

4. Captain (Major Sementara) C. L. Tarver.

5. Major C. O. Fisher.

6. Major W. W. Kerr.

7. Major Narsu Lama.

8. Major Tekbahadur Subba.

DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA — Darjah yang ketiga (S.M.B.) kepada:

1. Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

2. Awang Md. Noor Mac-Afee.

3. Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Piut.

4. Awang P. A. Coates (Kurniaan Tahun 1964).

5. Captain Brown Duncan.

6. Awang F. D. Holmes.

7. Flight - Lieutenant P. Lawson.

8. Dayang E. M. De Souza.

9. Awang T. E. Owen.

10. Doktor P. De V. Hart.

11. Captain Megbahadur Chetteri.

12. Sheikh Osman bin Sheikh Haniff.

13. Pengiran Metassim bin Pengiran Omarali.

14. Pengiran Haji Buntar bin Pg. Md. Ja'afar.

15. Yang Dimuliakan Pehin Seri Wangsa Awang Haji Mohamed bin Ahmad.

16. Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Awang Haji Mohamed Sa'at bin Juru Apong.

17. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar bin Rendah.

18. Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Awang Haji Melasim bin Tahir.

DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA — Darjah ke-empat (P.S.B.) kepada:

1. Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin.

2. Yang Berhormat Pehin Dato Temanggung Awang Lim Cheng Choo.

3. Private B/3252 Abdul Hamid.

4. Private B/3311 Umar bin Puteh.

5. Sergeant R. F. Ensor.

6. Major J. G. Moran.

7. W.O. I. J. Harradence.

8. Sergeant A. D. Moore.

PINGAT OMAR ALI SAIFUDDIN — PANGKAT PERTAMA kepada Senior Aircraftman D. J. Anker.

PINGAT OMAR ALI SAIFUDDIN — PANGKAT KEDUA kepada:

1. Awang Haji Omar bin Serudin.

2. Awang B. S. Andrews.

3. Lance Corporal S. A. Abel.

PINGAT KERJA LAMA:

1. Awang Safar bin Dolah.

2. Yang Di-Muliakan Pehin O.K. Perbendaharaan Di-Raja, Haji Ali Hussein.

3. Awang Peter Lee.

4. Y.M. Pengiran Sabtu bin Pengiran Ja'afar.

5. Awang Awang bin Metassan.

6. Awang Joseph Liew Fook Chai.

7. Awang Omar bin Burut.

8. Awang Suting bin Daud.

9. Awang Pakar bin Haji Taha.

10. Awang Saidin bin Haji Nayan.

11. Y.M. Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Kamaludin.

12. Y.M. Pengiran Patra bin Pengiran Madu.

PINGAT JASA KEBAKTIAN:

1. Awang Talib bin Darwish (1964).

2. Y.M. Pengiran Saifuddin bin Pengiran Haji Sulaiman.

3. Y.M. Peter Albert Coates.

4. Awang John Yong Eng.

5. Awang Lam So Man.

PINGAT PULIS BRUNEI:

1. Chief Inspector Pengiran Haji Abbas bin Pengiran Aliuddin.

2. Sgt. 89 Awang Adam bin Abdul Rahman.

3. Sgt. 99 Pengiran Mohamad bin Pengiran Mustapha.

4. Sgt. 5 Awang Mahmud bin Bakar.

5. Cpl. 28 Awang Ahmad bin Haji Yahya.

6. Cpl. 16 Awang Abdul Hamid bin Suraidi.

7. Cpl. 88 Awang Ahmad bin Murah.

8. Cpl. 35 Pengiran Tengah bin Pengiran Ahmad.

9. Sgt. 48 Awang Murni bin Ahmad.

10. Cpl. 61 Pengiran Damit bin Pengiran Metussin.

Hari Dan Waktu Bilek Bachaan Di-Buka

BANDAR BRUNEI. — Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei yang letaknya di-Jalan Roberts, Bandar Brunei akan di-buka kepada orang ramai pada tiap2 hari mulai pada hari Juma'at 1 Oktober, 1965 seperti berikut:

Dari hari Isnin ka-hari Khamis dan pada hari Sabtu — Dari jam 9 pagi ka-9 malam.

Hari2 Juma'at dan Ahad — Dari jam 2 petang ka-9 malam.

**Berbakti-lah Kapada Negara
Dengan Mendokong Dasar
Kerajaan Mengutamakan
Bahasa Melayu**

JAWATAN KOSONG:

Pelatih Untuk Jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan Bomba

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari pegawai2 yang berkhidmat dalam jawatan tetap dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Timbalan Pengawal Perkhidmatan Bomba sebagai Pelatih untuk jawatan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

1. Umor — Di-antara 25 dan 28 tahun.
2. Pelajaran — (a) Lulus Sijil Persekolahan (Senior Cambridge School Certificate) atau yang sebanding dengan-nya dalam bahasa Inggeris, dan (b) Lulus Darjah V Sekolah Melayu.
3. Pengalaman — Mempunyai sekurang2nya 5 tahun pengalaman dalam bidang pentadbiran awam Kerajaan.

Kesehatan:

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sehat tuboh badan seperti yang di-kehendaki dalam Perkhidmatan Bomba.

Latehan:

Chalon yang berjaya mesti-lah lulus dalam Darjah Latehan Pegawai tempatan dan boleh jadi di-kehendaki menjalani Latehan

di-Seberang Laut. Tempoh latehan ia-lah selama dua tahun.

Gaji:

Semasa dalam latehan, gaji ada-lah dalam tingkatan gaji Pegawai Balai (a)1 D(b)5 \$290x20 - 370x10 - 380 dan sesudah menamatkan latehan dengan jayanya dan bila di-naikkan ka-jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan Bomba gaji-nya ia-lah sebanyak \$1,020/- sa-bulan dalam sukatan \$1020x40 - 1420 (Sukatan P(a)3 dan P(a)2).

Chalon yang berjaya, sechara pertukaran, yang menerima gaji lebih daripada sukatan gaji seorang Pegawai Balai akan terus di-benarkan menerima gaji yang di-terima-nya semasa menyandang jawatan yang dahulu, dengan mendapat kenaikan gaji tahunan sehingga-lah di-naikkan ka-jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan Bomba.

Tempoh Perchubuan:

Chalon yang berjaya, yang telah lulus dan di-naikkan pangkat ka-jawatan Timbalan Pengawal Perkhidmatan Bomba akan menjalani masa perchubuan selama satu tahun sebelum di-tetapkan dalam jawatan-nya. Tempoh ini boleh di-singkatkan atau pun di-lanjutkan oleh Pengawal Perkhidmatan Bomba dengan syarat dapat persetujuan Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Sekira-nya chalon yang terpilih itu tidak lulus dalam peperiksaan yang di-kehendaki, atau tidak dapat menamatkan latehan yang di-kehendaki atau pun tidak disokong supaya di-tetapkan dalam jawatan-nya sebagai Timbalan Pengawal Perkhidmatan Bomba, dia akan di-balekkan ka-jawatan asal dengan syarat dapat persetujuan Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 9 Oktober, 65, dengan melalui Ketua Jabatan masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan sulit beserta dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Perlumbaan Khas Perahu Berdayong Di-Sungai Belait

Kuala Belait. — Satu perlumbaan khas perahu2 berdayong antara beberapa buah pasokan, termasuk Pasokan yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah di-langsungkan di-Sungai Belait pada pagi hari Juma'at 24 September, 1965.

Perlumbaan Perahu itu telah di-adakan sa-bagai menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Putera2 Baginda Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolikiah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolikiah ia-lah di-antara ahli2 pasokan Baginda.

Sa-lepas perlumbaan perahu berdayong itu, Awang Richard Chang telah menyebarkan sa-buah Oskar yang beliau telah menghadiahkan, kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

TAWARAN - TAWARAN:

Membena Bilek Latehan Jasmani Maktab S.O.A.S. Brunei

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "C" ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 4-00 petang hari Ithnin 4 Oktober, 1965 bagi: —

MEMBENA BILEK LATEHAN JASMANI MAKTAB S.O.A.S. BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, J.K.R., Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampil2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawar mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataannya:

MEMBENA BILEK LATEHAN JASMANI MAKTAB S.O.A.S. BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (Sa-ratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya dengan kembalikan lukisan2 kepada Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-lepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang ter-chetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang se-habis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Membena Rumah Di-Jalan Berakas

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "C" ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 4hb. Oktober, 1965 bagi: —

MEMBINA RUMAH PENJAGA DAN LAIN2 KERJA YANG BERKAITAN UNTUK KELINK2 DI-BATU 2½ JALAN BERAKAS, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, J.K.R., Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampil2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawar mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataannya:

MEMBINA RUMAH PENJAGA DAN LAIN2 KERJA YANG BERKAITAN UNTUK KELINK2

DI-BATU 2½ JALAN BERAKAS, BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram ia-lah \$100.00 (saratus ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya dengan kembalikan lukisan2 kepada Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-lepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang ter-chetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontrek itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang se-habis rendah sekali atau sabarang tawaran.


GAMBAR² KENANGAN SAMBUTAN² PU



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Y.T. beberapa orang pembesar negara kelihatan semasa halaman Istana Darul Hana



Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin kelihatan menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan selepas beliau menyampaikan Piala Perak Kejohanan Perlawanan Tarek Kalat kepada Baginda di-Padang Besar K.B.R.C. pada 24 September, 1965.



Pasokan Daerah Brunei, di-ketuai oleh Duli Yang Mulia Al-Sultan telah mengalahkan Pasokan Daerah Temu dan lawan Tarek Kalat di-Padang Pekan Bangar pada sem



Pemenang² Peraduan Silat dan Kuntau Sa-Negeri Di-kiri ia-lah Johan Silat, Awang Piut Noordin dan Awang Wahab Tengah ia-lah di-kanan. Kedua2-nya

Tarek! Tarek!! Tarek!!!
Demikian bunyi suara penyokong² Pasokan Daerah Belait pada masa gambar ini di-ambil. Ini-lah satu pemandangan Pasokan Daerah Belait yang mengambil bahagian dalam Perlawanan Tarek Kalat dengan Pasokan Daerah Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu. Keputusan-nya di-siarkan di- muka 8.

USIA D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN



Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan be-
Perlawanan Akhir Silat dan Kuntau di-
malam 26 September, 1965.



Satu Istiadat Perbarisan
Sambutan Hari Ulang
Tahun Keputeraan Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Maulana Al-
Sultan, Sir Omar Ali Sai-
fuddin, kali yang ke-49 telah
di-adakan di-Padang Besar
Kuala Belait Recreation
Club pada pagi hari Juma'at
24 September, 1965. Ba-
ginda kelihatan dalam gam-
bar ini semasa menerima
Tabek Kehormatan Diraja
di-Istiadat Perbarisan ber-
sejarah itu.

Maulana Maulana
dalam Per-
ber, 1965.



Duli Yang Maha Mulia
Maulana Al-Sultan kelihat-
an memeriksa Pasokan Kas-
tam Diraja di-Istiadat Sam-
butan Hari Jadi Baginda
di-Kuala Belait baru2ini.

Kahon 1965.
han Kuntau.
erah Brunei.

Tinjauan Dunia Hari ini:

TIGA SHARAT GENCHATAN SENJATA KASHMIR

(Oleh Hanafi Joffri)

DI-PERTUBOHAN Bangsa2 Bersatu, New York pada 20 haribulan September yang lalu, Dewan Majlis Keselamatan dengan sa-bulat suara telah meluluskan satu ketetapan yang berisikan tiga syarat utama, untuk membantu merintis kapada terchapai-nya perdamaian antara India dan Pakistan, yang telah membuka medan perjuangan di-beberapa kawasan perbatasan yang penting, dari semenjak meletus-nya pertemporan senjata atas soal wilayah Kashmir.

Keputusan yang mu'tamad itu telah di-buat, sa-telah Setiausaha Agong U Thant mengemukakan laporan2 perutusan damai-nya ka-Rawalpindi dan New Delhi awal dalam bulan ini, dan sa-telah banyak kuasa2 dunia gagal untuk mendapatkan kedua2 buah negara itu duduk berunding.

Jadi atas penerimaan keputusan itu, dan satu daripada tiga syarat utama yang pada mula-nya di-beritakan di-amalkan sechra beransor2 oleh India dan Pakistan, maka dapat-lah di-katakan yang perutusan damai U Thant itu mendapat kejayaan, meskipun Pertubohan Sa-dunia itu, maseh lagi menghadapi beberapa ujian atas soal Kashmir.

Tiga syarat utama yang di-tetapkan oleh Majlis Keselamatan ia-lah di-adakan genchatan senjata, selewat2-nya pada hari Khamis 23 haribulan September, jam 6-00 pagi waktu Borneo. Bala-tentera kedua2 belah pihak India dan Pakistan mesti-lah di-tarek undor ka-garisan masing2 yang di-duduki pada 5 haribulan Ogos, sa-belum berlaku-nya pertemporan dan sa-telah itu, di-adakan usaha menyelesaikan puncha2 yang menimbulkan perang antara kedua2 negara itu. Usaha ini, menurut-nya akan di-laksanakan oleh Bangsa2 Bersatu.

YANG MENGELISAHKAN

Walaupun genchatan senjata pada mula-nya di-beritakan telah di-amalkan, tetapi perkara ini nampak-nya menggelisahkan mata dunia, terutama sekali Majlis Keselamatan sendiri, kerana India dan Pakistan sama2 berdegil, tidak mahu mengundurkan bala-tentera-nya dari tempat2 yang mereka duduki sekarang.

Genchatan senjata tidak berarti, jika askar2 tidak di-undurkan dari garis genchatan senjata yang di-tentukan oleh Majlis Keselamatan, pada hal India dan Pakistan, kedua2-nya sudah pun bersetuju berbuat demikian.

Kegelisahan juga terbit dari pihak India tidak sedia berbuat pengunduran tentera, sementara pihak Pakistan juga menggunakan alasan yang serupa. Oleh itu, dawa'an2 telah kedengaran

dari kedua2 belah kuasa, ini merupakan tuduh menuduh mero-sakkan perjanjian genchatan senjata. Dalam lain2 perkataan, kedua2 belah pihak telah melakukan serangan baharu sa-telah genchatan senjata di-chapai.

Bagaimana pun, sejauh manakah kebenaran da'waan itu dibuat, bergantong-lah kapada para pemerhati tentera Bangsa2 Bersatu, yang sudah pun di-tugaskan ka-beberapa kawasan perbatasan India dan Pakistan.

KETEGASAN INDIA - PAKISTAN

Menyentuh tentang soal pengunduran tadi, beberapa syarat juga di-berikan oleh India dan Pakistan. Pakistan enggan mengundurkan askar-nya, di-sebabkan ketetapan itu tidak menyebut dengan terang, chara2 dan gaya yang seharusnya di-laksanakan bagi penyelesaian masalah Kashmir, dan selagi belum terdapat jaminan kuat yang Bangsa2 Bersatu sedia menyelesaikan masalah itu sechra yang seadil2-nya, dan Pakistan juga mengancam akan keluar dari Bangsa2 Bersatu, jika Majlis Keselamatan gagal berbuat sesuatu bagi penyelesaian Kashmir.

Di-sini nyata yang Pakistan akan mengikut jejak Indonesia yang menarek diri awal bulan January, walaupun Pakistan tidak menyebut kenyataan itu sebagai kata-dua-nya.

India pula menda'awa, bahawa wilayah Kashmir maseh tetap menjadi sebahagian wilayah India yang tidak dapat di-perbualkan, seperti di-jalankan pemungutan suara untuk menentukan masa depan raya'at di-wilayah itu, seperti kemahuan Pakistan.

Andai kata India tetap dengan kata asal, seperti juga Pakistan yang menyebabkan masalah Kashmir itu kekal merupakan duri dalam daging.

Jadi kalau begitu, tidak pun satu syarat yang sedang di-amalkan oleh India dan Pakistan, kerana serangan di-beritakan berlaku semula, dan tidak sedikit pun terbayang tentang pengunduran sekarang. Apatah lagi tentang akan di-usahakan penyelesaian puncha2 yang menumbulkan perang sekarang.

Kemudian bagaimana pula kedudukan Majlis Keselamatan sekarang, sedangkan tindakan yang di-katakan akan di-ambil, ka-atas mana2 pihak jua yang menchabul perjanjian genchatan senjata itu, belum terlaksana. Pendek kata, masalah Kashmir masehtetap menjadi soal rumit utama, yang di-hadapi oleh

Bangsa2 Bersatu, walaupun ramalan menetapkan India dan Pakistan akan berdamai.

KELUAR DARI P.B.B.

Bagaimana pula dengan kedudukan Pakistan, jika masalah Kashmir itu tidak selesai. Tentu-nya Pakistan menepati janji2-nya akan keluar dari Pertubohan Bangsa2 Bersatu, kerana Pakistan di-katakan telah bosan dengan susunan Badan Sa-dunia itu.

Kenyataan Pakistan hendak menarek diri dari Bangsa2 Bersatu bukan-lah satu perkara baharu, tetapi merupakan perkara lama. Rasa hampa Pakistan terhadap Bangsa2 Bersatu memang sudah lama, kerana ia-nya sedar di-perkecilkan, dan Bangsa2 Bersatu di-katakan tidak membuat kerja2 yang adil terhadap-nya, atas soal Kashmir.

Pakistan juga pernah menuduh yang susunan dan tadbiran Bangsa2 Bersatu itu sudah lapok, untok di-gunakan dalam masa morden ini. Ini ada-lah selari dengan kenyataan Indonesia, yang menarek diri di-sebabkan Malaysia di-terima menjadi ahli dalam Majlis Keselamatan.

Apa hal-nya jika Pakistan keluar dari Bangsa2 Bersatu? Mungkinkah ada lagi negara2 yang akan turut jejak Pakistan itu, dan mengikuti Indonesia kadalam apa yang di-katakan Pertubohan New Emerging Forces, atau Pakatan Negara2 Yang

Baharu Munchul. Mungkin ini, masa sahaja yang dapat menentukan.

HARAPAN

Bagaimana pun, sebelum keadaan tiba ka-peringkat itu semua, dunia memang maseh lagi mengharapakan Majlis Keselamatan dapat menyelesaikan sengketa wilayah Kashmir, yang melibatkan pertemporan senjata India dan Pakistan.

Sementara itu, soal kata dua China juga tidak mesti di-abai2 kan kerana pertemporan2 kecil sudah pun mulai berlaku di-kawasan perbatasan Sikkim — Tibet, sa-telah India di-katakan enggan merombakkan tempat2 pertahanan-nya di-perbatasan Sikkim, yang di-da'awa oleh China sebahagian daripada wilayah-nya.

Dari soal ultimatum China itu, bala tentera China Komunis di-khabarkan sudah pun di-hantar-kan kabeberapa kawasan sempadan, hingga menghampiri perbatasan Kashmir. Tetapi sejauh ini, belum lagi terdapat berlaku peristiwa yang burok, seperti India dengan Pakistan, selama 20 hari sudah.

TETAP SOAL UTAMA

Soal persengketaan India dan Pakistan, maseh lagi menjadi soal utama yang akan menjadi kapada Bangsa2 Bersatu. Keadaan maseh tetap genting dan tegang hinggan timbul pertanyaan telah di-chapai itu, akan dapat sama ada genchatan senjata yang menjamin Pakistan, ia-itu satu daripadanya syarat yang belum lagi di-amalkan dengan nyata.

Pegawai2 Baru K. P. P. Sungai Kedayan

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Mashuarat Agong Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei telah pun di-adakan di-rumah K.P.P.S.K., pada 10 September, 1965. Pegawai2 baru bagi tahun 1965-1966 ada-lah seperti berikut:—

Penaong: Bakal Ketua Kampong Sungai Kedayan, Brunei. Penasehat: Y.B. Awg. Abd. Aziz bin Pehin U.K. Hj. Umar, Ag. Abd. Latif bin Hamid, Yang Di-Pertua: Ag. Md. Yassin Said, Naib Yang Di-Pertua: Ag. Md. Morshidi b. Hj. Md. Salleh; Pengerusi Tetap: Ag. Md. Taib bin Sulaiman.

Setia Usaha Agong: Ag. Mohdar Hj. Ahmad. Setia Usaha I: Dy. Latifah bte. Hj. Ya'akub. Setia Usaha II: Ag. Sharbini bin Ahmad. Bendahari Agong: Dy. Nisbah bte. Awg. Moshin. Naib Bendahari Agong: Ag. Rosli bin Abd. Aziz.

Setia Usaha Penerangan: Ag. Puteh Jukin. S.U. Bahas & Sharahan: Dy. Ainah bte. Hj. Ibrahim. S.U. Sokan: Ag. Ibrahim Johari. S.U. Ugama: Haji Khalidi b. Hj. Abd. Karim. S.U. Kebudayaan: Aminah bte. Omar. S.U. Pelancongan: Ag. Hamdan Idris. S.U. Kebajikan & Rumah: Ag. Abd. Rahman b. Hj. Tahir. Jawatan Kuasa: Ag. Kahar bin Puteh, Ag. Ibrahim bin Yassin, Dy. Mariam bte. Arshad, Dy.

Siti Hamidah bte. Ag. Angkat.

Pemereksa Kira2 Kehormat: Haji Md. Salleh bin Pehin Penyurat.—Berita kiriman Awang Mohdar Hj. Ahmad.

Kolera:

Nasehat Kapada Imam2

BANDAR BRUNEI. — Imam2 diseluruh Negeri Brunei ada-lah dima'alomkan bahawa oleh kerana penyakit kolera (Ta'un) sedang merebak di-Negeri Brunei, maka mereka ada-lah di-arahkan supaya bersembahyang Hajat bersama2 dengan anak2 kampong di-Masjid2 dan berdo'a kapada Tohan, moga2 Tohan melimpahkan rahmat-nya supaya penyakit kolera yang sedang merebak di-negeri ini tidak membahayakan dan Tohan menghapuskan penyakit tersebut dari negeri ini.

Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin pada 27 September, 1965.

TA'ON MENYERANG BRUNEI - LANGKAH MELAWAN DI-KETATKAN

Langkah2 yang ketat dan sa-chara besar2an bagi melawan serangan penyakit yang merbahaya Ta'on atau Cholera sedang di-lancarkan oleh Kerajaan, supaya penyakit itu tidak berpe-luang merebak ka-seluruh negeri ini.

Penyakit itu telah menyerang negeri ini sejak minggu yang lalu dan sa-hingga hari ini tiga orang dari penduduk2 di-Kampung Ayer telah mati akibat serangan penyakit tersebut.

Ketiga2 orang yang malang itu tidak sempat di-beri rawatan kerana pehak Jabatan Perubatan Negara tidak di-beri tahu dan mereka meninggal dalam rumah mereka sendiri.

GERAKAN KILAT

Berikutan dengan serangan penyakit yang merbahaya itu, ge-

PENCHEGAH CHOLERA

Beberapa pasokan pegawai2 perubatan yang bertindak sa-bagai pencheegah cholera sekarang ini maseh menjalankan tugas mereka di-kampung2 berdekatan dan kawasan2 pendalaman da-erah2 negeri ini dengan menggu-nakan landrover, motor sangkut dan helikopter.

Bagi mengasingkan orang2 yang di-shak dan di-sahkan sa-bagai mengidap penyakit ta'on itu, beberapa buah ward khas telah di-sediakan di-rumah2 sakit di-seluruh negeri ini.

Bagi menyenangkan tugas mencheegah penyakit tersebut, Dr. Franks menegaskan bahawa usaha yang utama harus-lah di-ambil oleh seluroh ra'ayat negeri ini dan mesti-lah memberikan kerja-sama kepada Jabatan Perubatan

Negara.

"Apa yang harus kita buat, kata Dr. Franks ia-lah dengan tidak berlingah2 lagi menghantar atau memberi tahu kepada Ja-batan Perubatan atau kelinik2 yang berdekatan kalau sa-kira-nya ada orang2 yang di-shaki mengidap penyakit itu".

KESAN NYATA

Kesan yang nyata yang me-nunjukkan orang yang mengidap penyakit itu ia-lah "Muntah2 berak" yang tidak berhenti2 atau kira2 dua tiga kali dalam sa-hari.

Kapada orang ramai, Dr. Franks menasehatkan supaya men-gambil perhatian yang berat dan kapada siapa yang belum bersuntik mesti-lah mendapatkan suntikan chemas di-kampung2 atau di-klinik2 dan rumah2 sakit.


MENJAUHKAN DIRI

"Orang ramai hendak-lah men-jauhkan diri dari memakan barang2 makanan dan minuman yang terdedah dan makanan dan minuman hendak-lah di-masak terlebih dahulu sa-belum di-makan.

Kapada penduduk2 yang ting-gal di-Kampung Ayer pula, Dr. Franks menasehatkan mereka su-paya melarang anak2 mereka dari bermain2 di-ayer dan ibu2 di-sekitar kampung tersebut jangan-lah menchuchi kain baju dengan menggunakan ayer dari sungai di-bawah rumah.

Mereka telah di-nasehatkan supaya jangan naik ka-darat ke-chuali ada perkara yang musta-hak, kerana takut penyakit akan merebak.

Orang ramai juga di-nasehat-



Dr. P. I. Franks.


kan supaya jangan berkumpul kerana penyakit itu ada-lah sa-jenis penyakit yang mudah men-jangkit dari sa-orang ka-saorang yang lain.

TEMASHA2 DI-TUTOP

Semua penjual2 ayer manisan dan buah2an yang telah di-kupas atau di-belah telah di-tegah ber-jaja, dan permainan2 pertun-jokan2 dan temasha bagi men-yambut hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan bagi Daerah Brunei telah di-batalkan sejak beberapa hari yang lalu.

Pada hari Isnin yang lalu, 27 September, 1965 semua panggong wayang gambar di-Bandar Brunei telah di-perentahkan supaya di-tutup sa-hingga satu tarikh yang akan di-umumkan kemudian.

Kapada orang2 yang telah di-suntik, mereka ada-lah di-nasehatkan supaya membawa kad suntikan yang telah di-berikan kapada mereka kerana pehak pulis Brunei telah dan sedang menjalankan pemereksaan.




Sa-orang kanak2 kelihatan sedang di-suntik.

rakan kilat telah di-ambil oleh Jabatan Perubatan Negara de-ngan mengarah pegawai2-nya untok melancharkan kimpin sa-chara besar2an bagi melawan serangan itu.

Pegawai2 itu telah merempoh masuk ka-kampung2 baik yang berdekatan dengan bandar mahu-pun di-kawasan2 pendalaman untok memberi suntikan kapada penduduk2 dari kanak2 yang ber-umur 6 bulan hingga ka-orang2 dewasa dan tua.

Sa-hingga hari ini lebeh sa-engah dari penduduk2 Negeri Brunei yang berjumlah hampir2 100,000 orang telah di-beri sun-tikan dan dari gerakan mengesan pengidap penyakit itu sa-hingga pukul 4-00 petang kelemarin sa-ramai 95 orang telah di-masok-kan ka-Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei.

Pegawai Perubatan Negara, Dr. P. I. Franks menyatakan bahawa dari jumlah itu 43 orang telah di-sahkan sa-bagai mengidap penya-kit tersebut dan 52 lagi di-shaki.



Gambar di-atas menunjukkan orang ramai sedang menanti giliran untok di-suntik.

D.Y.M.M. AKAN MELETAKKAN BATU ASAS BANGUNAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI DAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berkenan berchemar Duli untuk menyempurnakan upacara meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei pada pagi hari Rabu 29 September, 1965.

Bangunan tersebut akan dibena di-sabwah kawasan yang besar di-penjuru Jalan Stoney dan Jalan Elizabeth II di-Bandar Brunei, ia-itu berhampiran Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei.

Susunan acara yang akan dijalankan di-upacara tersebut ada-lah seperti berikut:

Jam 9 pagi — Pegawai2 dan kaki-tangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan mulai hadir.

Jam 9-15 pagi — Para jemputan khas hadir.

Jam 9-20 pagi — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan tiba.

Jam 9-25 pagi — Upacara Meletakkan Batu Asas bangunan tersebut di-mulakan dengan:

*Uchapan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G. V. de Freitas.

*Uchapan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

*Uchapan oleh Menteri Besar

Perayaan Di-Belait

(Dari Muka 1)

dan murid2 sekolah di-Daerah Belait.

Duli Yang Maha Mulia telah di-sambut oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail semasa ketibaan Baginda di-istiadat perbarisan tersebut.

Serentak dengan ketibaan Baginda di-istiadat itu, beberapa das tembakan meriam telah di-lepaskan sambil para jemputan yang telah dudok di-kerusi2 yang telah di-khaskan, bangun untuk memberi hormat kepada Baginda.

Di-antara para hadirin di-istiadat perbarisan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassan Bolkih, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkih dan ramai pembesar2 negara.

Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

*Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan seterusnya melaksanakan perletakan Batu Asas bangunan itu.

*Bachan Do'a Selamat.



Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.



Awang Haji Mohamed bin Haji Bakar.

Pilihan Raya M.M.D. Bagi Kawasan Pekan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dua orang calon telah mendaftarkan nama di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi 25 September, 1965 untuk bertanding dalam Pilihan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei bagi kawasan Pekan Brunei.

Mereka ia-lah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan

Awang Haji Mohamed bin Haji Bakar.

Pertandingan itu di-adakan disebabkan Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang telah meletakkan jawatan sa-bagai Wakil bagi kawasan Pekan Brunei dalam Majlis Mashuarat Daerah Brunei baru2 ini.

TA'ON 95 DI-TAHAN DI-RUMAH SAKIT

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 95 orang penduduk dalam Daerah Brunei/ Muara, kebanyakan-nya dari Kampong Ayer pada masa ini sedang di-tahan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei kerana penyakit Ta'on atau Cholera.

Dari jumlah tersebut, 43 orang telah di-sahkan sa-bagai mengidap penyakit yang merbahaya itu dan 52 orang lagi di-shaki.

Jumlah itu ada-lah mengikut pendaftaran yang telah di-jalakan sa-hingga pukul 4-00 petang kelemarin.

Sementara itu, beberapa keluarga dari orang2 yang di-tahan itu telah tidak di-benarkan keluar rumah dan bantuan barang2 makanan telah di-berikan kepada mereka oleh Jabatan Perubatan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pegawai Perubatan Negara, Dr. P. I. Franks telah mengeluarkan satu kenyataan khas melalui Radio Brunei mengenai serangan penyakit tersebut.

Beliau telah menyeru kepada penduduk2 negeri ini supaya mengikut nasehat yang telah di-berikan dan dengan jalan itu serangan penyakit tersebut dapat di-kawal dari merebak.

Kapada mereka yang diam di-Kampong Ayer, Dr. Franks telah menasihatkan mereka supaya jangan menggunakan ayer sungai untuk membasoh atau mandi.

Kata-nya, ayer mesti di-masak sa-belum di-gunakan, begitu juga pinggan mangkok dan segala alat dapur hendak-lah di-hangatkan sa-belum di-gunakan.

Kapada petani2 pula, beliau mengesakan mereka supaya jangan menggunakan baja2 dari najis manusia, kerana baja serupa itu ada-lah membahayakan bukan hanya kepada petani2 sendiri bahkan juga kepada pembeli2 sayur.

Brunei/Muara Kawasan Penyakit Berjangkit

Kerajaan telah mengishti-harkan kawasan Brunei/ Muara sa-bagai satu kawasan penyakit yang berjangkit dan merbahaya. Pengishti-haran itu di-buat di-bawah undang2 Karantine dan Menche-gah Penyakit.

PERADUAN TAREK KALAT

PASOKAN BRUNEI DI-KETUA OLEH D.Y.M.M. MENANG

Kuala Belait. — Pasokan dari Daerah Brunei telah mengalahkan Pasokan Daerah Belait dalam Peraduan Tarek Kalat (Tarek Tali) di-Padang Besar Kuala Belait Recreation Club pada pagi hari Juma'at 24 September, 1965.

Pasokan dari Daerah Brunei telah di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, manakala Pasokan Daerah Belait di-ketuai oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Peraduan tersebut di-langsungkan sa-bagai salah satu dari acara2 sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Ramai para penonton, bukan sahaja dari Daerah Belait, bahkan dari Daerah Brunei dan dari lain2 tempat juga telah menyaksikan peraduan itu.

Peserta2 dari kedua2 pasokan itu telah "menarek kalat itu" dengan bersungguh2-nya dalam kedua2 pusingan.

Pasokan dari Daerah Brunei telah menang pusingan pertama dan begitu juga pasokan itu telah menang pusingan kedua.

Pasokan Daerah Belait telah "menarek kalat itu" sa-jauh beberapa inchi ka-arrah kawasan-nya tetapi telah tidak berhasil melintasi "garisan kemenangan" yang telah di-tentukan oleh pihak pengadil peraduan itu.

Perkara tersebut di-sebabkan peserta2 Pasokan dari Daerah Brunei telah "menarek kalat itu" dengan sa-kuat2-nya sa-hingga membawa kemenangan kapada pasokan itu.

Sa-lepas di-adakan peraduan itu, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyembahkan Perisai Kemenangan peraduan itu kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Pengiran Momin juga telah menyampaikan sa-buah perisai kapada Naib Johan peraduan itu Pasokan Daerah Belait.